

07 JAN 2003

MAHATHIR-CPTM

M'SIA KUMPUL DANA UTK BANGUNAN CPTM DI LONDON

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) -- Malaysia akan mengumpul dana sebanyak 4.0 juta paun sterling hasil sumbangan kerajaan dan pihak swasta untuk pembelian sebuah bangunan di London bernilai 11 juta paun sterling bagi kegunaan sekretariat CPTM (Commonwealth Partnership for Technology Management). (1 paun sterling=RM6.096)

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Malaysia bersetuju menyumbang 1.0 juta paun sterling dan usaha sedang giat dijalankan untuk mengumpul 3.0 juta paun sterling daripada pihak swasta.

Bangunan itu adalah bagi pengurusan sekretariat CPTM selain dijangka mendatangkan pulangan kepadanya.

Selain daripada Malaysia, negara anggota CPTM yang lain juga akan turut menyumbang untuk pelaburan itu, beliau berkata kepada pemberita selepas jamuan makan tengah hari bagi mengutip derma daripada pihak swasta untuk CPTM Endowment di sini hari ini.

Mereka terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional dan yang berpangkalan di United Kingdom yang akan menyumbang sebanyak 3.0 juta paun sterling serta sumbangan sebanyak 4.0 juta paun sterling lagi adalah daripada kerajaan dan pihak swasta di negara Afrika.

Dr Mahathir berkata sambutan yang diberikan oleh pihak swasta Malaysia adalah baik dan beliau yakin dapat menepati sasaran (3 juta paun sterling) itu.

"Saya rasa amat gembira kerana sambutan yang amat baik daripada masyarakat perniagaan kita," tambah beliau.

Antara yang telah memberi jaminan untuk menyumbang ialah Tenaga Nasional Bhd, Genting Group, Gamuda, Berjaya Group, Maybank, Sime Darby, Public Bank, Ambank, Southern Bank, Road Builders, MMC, IOI Corp, dengan masing-masing akan menyumbang tidak kurang daripada 100,000 paun sterling.

Dr Mahathir adalah salah seorang penaja untuk CPTM Endowment bersama beberapa pemimpin Afrika yang lain.

CPTM adalah sebuah perkongsian yang menumpukan kepada memupuk dan mengguna pakai falsafah dan amalan perkongsian bijak kepada pembangunan negara dan global, melalui proses dialog, mengukuhkan pengujudan perkongsian sama-sama menang di dalam jaringan masyarakat dan memberikan ahli-ahli sokongan praktikal bagi isu-isu pengurusan teknologi. -- BERNAMA

LES/MASS OS